

SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KETIGA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN
PERSIDANGAN PERTAMA
29 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)

1. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

1. Visi Perak Sejahtera 2030 telah memasuki tahun kedua perlaksanaannya.
 - a) Apakah pencapaian-pencapaian 'Key Performance Indicator (KPI)' keseluruhannya?
 - b) Apakah pencapaian-pencapaian 'Key Performance Indicator (KPI)' khusus untuk daerah Bagan Datuk?

2. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

Isu Perkampungan Orang Asli

1. Adakah kerajaan telahewartakan seluruh perkampungan Orang Asli di setiap negeri sebagai kawasan penempatan rasmi mereka?
2. Apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik dan air di perkampungan Orang Asli?
3. Berapakah jumlah data terkini yang telah dikumpulkan oleh kerajaan mengenai populasi Orang Asli di Malaysia?

3. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Isu Pengurusan dan Penyelenggaraan Sungai

- A) Apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pencemaran dan hakisan di sepanjang Sungai Perak, Sungai Batang Padang, Sungai Kinta dan Sungai Bidor terutamanya di kawasan yg merentasi kawasan DUN Sungai Manik?
- B) Bagaimana Kerajaan Negeri merancang untuk memperbaiki sistem pengairan dan saluran di Hilir Perak khususnya DUN Sungai Manik bagi memastikan kawasan pertanian tidak terjejas oleh banjir?

4. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERANG)

Projek Pembangunan Hospital Tapah

- a) Apakah status terkini bagi kelulusan pembinaan kantin baru di Hospital Tapah?
- b) Apakah bangunan lain akan dibina bersama kantin baru, adakah ia melibatkan pembinaan sebuah bangunan tambahan bagi menempatkan dewan bedah.

5. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Cabaran utama dalam dunia pendidikan hari ini adalah menjaga dan meningkatkan kualiti pendidikan. Faktor kualiti guru, kesedaran pelajar, prasarana pendidikan dan taraf sosioekonomi sangat mempengaruhi kualiti pendidikan. Apakah usaha Kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar?

- a) Apakah langkah kerajaan menyelesaikan masalah kekurangan guru dalam bidang tertentu menyebabkan guru bukan opsyen mengajar subjek di luar bidang pengkhususan?
- b) Adakah masalah kepadatan pelajar atau murid berlaku di negeri Perak? Jika berlaku bagaimana Kerajaan mengambil langkah-langkah mengatasinya?

6. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

HAIWAN JALANAN

Aduan berkaitan kacau ganggu haiwan jalanan terutama anjing sering diutarakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

1. Minta pihak kerajaan nyatakan jumlah operasi dan tangkapan anjing yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun ini?
2. Apakah usaha yang telah dan akan dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menangani isu ini?

7. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Apakah pencapaian Program Tahun Melawat Perak 2024 dan adakah sasaran-sasaran yang ditetapkan telahpun dicapai oleh kerajaan negeri Perak dari segi unjuran pendapatan dan bilangan pelancong. Apakah perancangan seterusnya yang diunjurkan oleh Tourism Perak demi meningkatkan lagi pendapatan melalui industri pelancongan?

8. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Apakah status projek pembinaan Lebuhraya WISE?

Apakah manfaat yang akan diterima oleh Rakyat Dun Tronoh dengan pembinaan Lebuhraya WISE?

9. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)

Kesenjangan Wilayah dan Daerah

Apakah pelan dan perancangan kerajaan dalam menghadapi kesenjangan wilayah dan daerah-daerah di negeri Perak ini bagi memastikan kemakmuran ekonomi tersebut dapat dirasai bersama?

10. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)

1. Pengkalan Maritim Zon Kuala Kurau tidak efisien dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan di lautan kerana kedudukannya yang ke dalam di muara sungai berhampiran Kg Raja Bashah yang melalui jeti-jeti milik persendirian dan swasta di sepanjang Sungai Kurau. Apakah ada kajian dan cadangan untuk membina baru dan berpindah ke tempat yang lebih sesuai dan strategik.

11. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

PROJEK PERUMAHAN

Projek perumahan rumah mampu milik sentiasa mendapat permintaan dan diperlukan untuk rakyat negeri Perak.

- a. Minta kerajaan negeri nyata jumlah projek perumahan Rumah Perakku yang telah siap dan akan dibina sehingga tahun 2024?
- b. Apakah usaha kerajaan negeri dalam menambah baik Program Perumahan Rakyat (PPR) negeri Perak?

12. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

Mohon pihak kerajaan negeri memberikan maklumat perancangan terkini bagi Sekolah Agama Raja Perempuan Taayah dan Sekolah Izzudin Shah. Adakah sekolah-sekolah ini akan dipindahkan ke lokasi lain dan setujukah pihak kerajaan negeri sekiranya sekolah-sekolah ini diwartakan sebagai tapak dan bangunan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan untuk mengekalkan nilai sejarah dan warisan Pendidikan Islam di negeri Perak.

13. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Sambutan Ulang Tahun Taiping ke-150 telah mendapat sokongan dari pelbagai pihak dan dianggar oleh MPT terdapat lebih dari 150 program sepanjang tahun 2024.

- a. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan bandar Taiping terus menjadi daya tarikan pelancong pada tahun depan selepas berakhirnya sambutan Taiping 150 dan Tahun Melawat Perak 2024 ?
- b. Bagaimana hasil usaha sambutan Taiping 150 memberi kesan kepada Bandar Warisan Taiping dan penduduk di Taiping?
- c. Bagaimana kerajaan negeri dapat membantu untuk menjadikan Bandar Warisan Taiping bersiap sedia sebagai salah satu destinasi yang akan dipromosikan pada Tahun Melawat Malaysia 2026 nanti?

14. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

BANJIR KILAT

- A) Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengatasi banjir kilat di Lebuh Rajawali, Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan 2, Ipoh, Perak yang berlaku sejak dari tahun 2016?
- B) Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengatasi banjir kilat di Klebang Aman?
- C) Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengatasi banjir kilat di Desa Seri Chepor?

15. YB DR ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Sesi PMQ di parlimen nampaknya berjaya dan ia jelas menunjukkan inisiatif reformasi institusi. Apakah ada cadangan untuk sesi yang sama dlm DN Perak? Oleh kerana Perak telah mendahului negeri lain dalam menubuhkan kerajaan perpaduan ia mungkin baik jika dimulakan.

16. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)

Adakah kerajaan negeri mengambil langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada beras import, dan apakah perancangan untuk mengukuhkan pengeluaran beras tempatan bagi mencapai tahap keselamatan makanan yg lebih tinggi?

17. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

Lebu Raya West Ipoh Span Expressway (WISE)

- (a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan Lebu Raya WISE?
- (b) Sila nyatakan jangkamasa untuk siap pembinaan Lebu Raya WISE?

18. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Mohon pihak kerajaan nyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang diambil pihak kerajaan negeri dalam membantu sekolah-sekolah agama swasta/persendirian di negeri Perak.

19. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan RM21.2 juta pada awal tahun ini untuk mempromosikan Tahun Melawat Perak 2024. Syabas atas kejayaan dalam menarik lebih ramai pelancong ke negeri kita. Kerajaan negeri bersasar untuk menarik lapan juta pelancong domestik dan 350,000 pelancong antarabangsa dengan pulangan RM10 bilion, jadi persoalan saya ialah:

- a. Kini ialah bulan Oktober, adakah kita telah mencapai bilangan pelancong yang disasarkan?
- b. Adakah Kerajaan negeri akan menggunakan keuntungan yang dijana daripada Tahun Melawat Perak 2024 untuk melanjutkan program pelancongan pada tahun depan?

20. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Mohon pihak exco kesihatan nyatakan berapakah jumlah Wellness Hub yang telah diwujudkan dinegeri Perak?

Adakah Daerah Perak Tengah bakal diwujudkan hub ini dan bolehkan Kerajaan melaksanakan Hub ini dengan Kerjasama pihak swasta?

Berapa banyakkah peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan dengan penubuhan Wellness Hub? disamping fungsinya untuk memberi perkhidmatan kesihatan dan sosial kepada masyarakat.

21. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan jumlah bantuan bencana yang dibayar oleh Pejabat Daerah?

22. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Berkaitan dengan Tanah Runtuh di cerun batu kapur di kawasan Laluan Ipoh Permai 3, Taman Ipoh Permai

i) Apakah langkah-langkah dan pelan jangka masa panjang yang diambil oleh pihak kerajaan negeri bagi mengelakkan daripada kejadian seperti ini berlaku lagi di tempat lain pada masa akan datang?

ii) Adakah pihak berkuasa telah menjalankan kajian atau penilaian risiko untuk menilai kestabilan cerun di kawasan yang berbukit sebelum pembangunan dijalankan di kawasan berkenaan?

iii) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan pembangunan di kawasan berbukit atau berhampiran cerun di Perak mematuhi garis panduan keselamatan dan penilaian alam sekitar yang ketat, bagi mencegah kejadian seperti batu jatuh ini daripada berulang?